

14 AUG 1998

Anwar-Umno

PERKUATKAN DIRI HADAPI PELBAGAI ANCAMAN, KATA ANWAR

KOTA BAHARU, 14 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengingatkan pemimpin dan anggota Umno supaya memperkuat hubungan mereka dan jentera parti dalam menghadapi pelbagai ancaman terutama ketika negara menghadapi masalah ekonomi sekarang.

Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno itu berkata dalam suasana negara sekarang kedudukan Umno harus kukuh kerana "kita ada kerja yang belum diselesaikan".

"Kalau dalam keadaan dulu parti kita kuat, dalam keadaan sekarang parti kita harus lebih kukuh lagi.

"Sebab itu saya katakan dalam keadaan begini kita tidak mampu membiarkan masalah sampingan menghantui kita atau mengalih pandangan kita daripada memfokus kepada masalah ekonomi," katanya pada majlis makan tengah bersama rakyat dan pemimpin Umno sempena lawatan seharusnya ke Kelantan di sini.

Anwar berkata pemimpin dan anggota Umno perlu berdiri kukuh di bawah kepimpinan Presiden Umno dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memastikan perjuangan dan cita-cita murni Umno memperjuangkan nasib rakyat berhasil tanpa terpedaya dengan muslihat "orang lain".

"Sebab itu kegiatan dan perjuangan murni yang membawa kebaikan kepada masyarakat perlu dijalankan mulai sekarang dan diatur dengan licin... dan ini memerlukan pengorbanan dan kesungguhan dan ia tidak boleh dikorbankan semata-mata kerana muslihat, tipu helah, fitnah atau perencanaan orang lain," katanya.

Sehubungan itu beliau mengingatkan anggota Umno supaya berwaspada dengan ancaman dan muslihat musuh parti yang mempergunakan pelbagai taktik secara halus dan ketara yang boleh melemahkan keyakinan orang terhadap Umno.

"Parti kita harus menerima kenyataan bahawa dalam suasana yang getir sebegini rupa, dalam suasana ekonomi yang belum menentu nampaknya, kita harus yakin bahawa kita harus dengan perpaduan kita, dengan semangat kita, dengan cita-cita murni kita, dengan idealisme kita, barulah kita boleh bawa perubahan dan kebaikan," katanya.

Anwar berkata dalam menjayakan matlamat parti itu, anggota Umno perlu mengambil iktibar daripada perjuangan Nabi dan pemimpin Islam dahulu yang turut menghadapi pelbagai ujian getir bagi memartabatkan Islam.

"Kita harus yakin bahawa sebagai orang yang beriman dan beragama akhirnya rencana Allah sahaja yang akan berhasil dan berjaya

"Oleh itu kita berwaspadalah dengan ancaman yang terus berlaku," katanya.

Terdahulu Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata kepimpinan Umno bahagian dan Barisan Nasional (BN) di negeri ini memberi sokongan penuh kepada pucuk pimpinan parti dalam menangani masalah ekonomi dan politik negara.

Beliau juga berkata lawatan kerja sehari Anwar ke Kelantan itu membuktikan perhatian berat yang diberikan oleh kerajaan pusat terhadap projek-projek pembangunan di Kelantan walaupun kerajaan negeri dikuasai Pas.

Lebih 1,000 orang menghadiri majlis itu.

-- BERNAMA

WM RAR NMO